

Guru ambil inisiatif sediakan nota Braille

Info

Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Jalan Batu (B)

- Mempunyai 35 murid.
- Mempunyai 24 tenaga pengajar dan kakitangan pentadbiran.
- Ditubuhkan pada 1968.

→ Menghasilkan beberapa buku nota antaranya nota Sains dan mengenal titik Braille serta 2,000 buku cerita ditulis semula dengan titik Braille.

(FOTO YAZIT RAZALI/BH)



Norwahida memberi tunjuk ajar kepada penerima Anugerah Nilam Pendidikan Khas 2017, Nik Muhammad Ahnaf Rujhiee Raja Anuar membaca secara Braille.

Batu. S. 17/5/21A / Pendidikan.

Kuala Lumpur: Tugas mendidik murid cacat penglihatan memerlukan kesabaran tinggi kerana keupayaan mereka tidak sama dengan anak normal lain.

Mendidik anak 'syurga' ini memerlukan guru sentiasa memikirkan pelbagai cara dan bentuk pengajaran yang sesuai untuk mudah difahami mereka.

Guru Matematik Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Jalan Batu (B), Norwahida Abu Bakar berkata pengajaran yang dilakukan antara murid cacat penglihatan buta dan rabun berbeza kerana aras pemahaman pembelajaran mereka tidak sama.

"Kami mengambil inisiatif menghasilkan buku nota sebagai rujukan tambahan, antaranya nota Sains dan mengenal titik Braille serta hampir 2,000 buku cerita ditulis semula dengan titik Braille.

"Usaha ini dilakukan bersama guru lain dan saya bertindak sebagai pengelola. Ia adalah pertama kali dihasilkan untuk koleksi pusat sumber sekolah.

"Pada 2015, kami bergiat aktif mencari bahan untuk memperbanyakkan bahan bacaan terutama kepada murid buta disebabkan

sukar dicari di kedai buku.

Perlu alat bantuan CCTV

"Bahan bacaan untuk murid rabun banyak dijual di kedai buku cuma kita perlukan alat bantuan kamera litar tertutup (CCTV) untuk membesarkan saiz tulisan supaya senang mereka baca," katanya yang juga guru Pusat Sumber.

Norwahida berkata, bukan mudah menyuruh murid membaca dan beliau mengambil inisiatif memberi galakan dengan menawarkan hadiah jika berjaya melaksanakan sesuatu tugas.

Katanya, kesabaran itu memberi kejayaan kepadanya dan pihak sekolah apabila salah seorang anak didik mendapat Anugerah Tokoh Nilam Peringkat Kebangsaan 2017 bagi kategori Kurang Upaya Penglihatan (Lelaki).

Norwahida berkata, mulanya beliau sukar mengajar murid cacat penglihatan kerana mengambil pendidikan khas bagi cacat pendengaran di universiti.

"Saya ambil masa enam bulan untuk faham dan mahir titik Braille dan menguatkan semangat apabila memikirkan anak 'syurga' ini perlukan saya untuk meneruskan hidup mereka," katanya.